



## **“SAUDARAKU ADALAH SAUDARAKU”.1**

<p>الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ: إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ، فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأُنْجِزْ ، إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ <sup>الْأَبْتَرُ<sup>1</sup></sup></p> <p>أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p> <p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللّٰهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللّٰهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p> <p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b> Marilah kita tingkatkan ketakwaan kehadrat Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita mendapat kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.</p> <p>Khutbah pada hari ini bertajuk <b>“SAUDARAKU DIALAH SAUDARAKU.”</b></p> <p><b>Muslimin yang dikasihi Allah,</b></p> <p>Alhamdulillah, kita bersyukur kehadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita meraikan Eidul Adha tahun ini. Kita juga dapat melaksanakan ibadah korban yang disyariatkan oleh Allah SWT. Dalam pelaksanaan korban, kita bersama-sama menginfakkan harta, kerja bergotong royong dan mengagihkan daging korban kepada para jemaah. Amalan ini bukan sahaja sebagai ibadah, tetapi secara tidak langsung telah menjalin silaturrahim dan merapatkan lagi hubungan persaudaraan dalam kalangan kita.</p>	<p>2</p> <p>3</p> <p>4</p> <p>5</p> <p>6</p> <p>7</p>
--	---

<sup>1</sup> Al-Kausar : 1-3.



Sesungguhnya persaudaraan menurut Islam bukan sahaja pada keturunan, suku sakat atau bangsa, tetapi persaudaraan kita adalah kerana satu agama satu akidah dan satu kiblat. Justeru, orang yang bersaudara mempunyai tanggungjawab tertentu terhadap saudaranya sesama Islam	8
Alhamdulillah, kita bersyukur kehadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita meraikan Eidul Adha tahun ini. Kita juga dapat melaksanakan ibadah korban yang disyariatkan oleh Allah SWT. Dalam pelaksanaan korban, kita bersama-sama menginfakkan harta, kerja bergotong royong dan mengagihkan daging korban kepada para jemaah. Amalan ini bukan sahaja sebagai ibadah, tetapi secara tidak langsung telah menjalin silaturrahim dan merapatkan lagi hubungan persaudaraan dalam kalangan kita.	9
Sesungguhnya persaudaraan menurut Islam bukan sahaja pada keturunan, suku sakat atau bangsa, tetapi persaudaraan kita adalah kerana satu agama satu akidah dan satu kiblat. Justeru, orang yang bersaudara mempunyai tanggungjawab tertentu terhadap saudaranya sesama Islam	10
sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 10: <i>إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ۖ</i>	11
"Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."	12



Menurut Tafsir al-Maraghiy, orang mukmin itu berketurunan daripada satu pangkat iaitu iman yang menyebabkan mereka memperoleh kebahagiaan yang abadi. Hubungan dua orang bersaudara di dalam agama adalah seperti hubungan nasab diantara dua orang yang bersaudara dan mempunyai tanggungjawab tertentu.

13

**Hadirin sekalian,**

Apakah tanggungjawab kita terhadap saudara kita? Rasulullah SAW menjelaskan dalam sebuah hadis beberapa larangan yang tidak boleh kita lakukan kepada saudara kita, sebagaimana hadis yang daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا تَحَاسِدُوا وَلَا تَنَاجِشُوا وَلَا تَبَاغِضُوا وَلَا تَدَابِرُوا وَلَا يَبْعِثْ بَعْضُكُمْ عَلَىٰ  
بَعْضٍ بَعْضٌ وَكُوْنُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا. الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يَخْذُلُهُ وَلَا  
يَكْذِبُهُ وَلَا يَحْقِرُهُ. التَّقْوَىٰ هُنَّا - وَيُشَرِّرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ - بِحَسَبِ امْرِهِ  
مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ، كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ  
وَعِرْضُهُ

14

*"Janganlah kalian saling dengki, saling menipu, saling marah dan saling memutuskan hubungan. Dan janganlah kalian menjual sesuatu yang telah dijual kepada orang lain. Jadilah kalian hamba-hamba Allah yang bersaudara. Seorang muslim adalah saudara bagi muslim yang lainnya, (dia) tidak menzaliminya dan mengabaikannya, tidak mendustakannya dan tidak menghinanya. Takwa itu disini (seraya menunjuk dadanya sebanyak tiga kali). Cukuplah seorang muslim dikatakan buruk jika dia menghina saudaranya yang muslim. Setiap muslim atas muslim yang lain; haram darahnya, hartanya dan kehormatannya."*

15

*(Riwayat Muslim).*



Selain daripada itu, kita dikehendaki juga menutup keaiban saudara kita daripada diketahui oleh orang lain sebagaimana hadis daripada Abdullah bin Umar Radhiallahu Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

16

*“Sesiapa yang menutup aib seseorang Muslim nescaya Allah akan menutup aibnya pada hari kiamat kelak.”*

*(Riwayat al-Bukhari).*

Dalam hadis lain, Rasulullah SAW juga memberi ingatan seseorang yang bermusuh dengan saudaranya diakhirat kelak tidak akan masuk syurga. Sebagaimana hadis daripada Jubair bin Muth'im Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِطُ رَحْمَ

17

*“Tidak masuk syurga orang yang memutuskan silaturrahim.”*

*(Riwayat Muslim).*

### **Hadirin Jumaat sekalian,**

Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpul mati. Bersatu dalam apa juu situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan dunia, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah ﴿إِنَّمَا إِيمَانُهُ﴾, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.

18

### **Muslimin yang dimuliakan,**



Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita hayati tausiah berikut:

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa menjalin persaudaraan dalam kalangan umat Islam adalah satu perintah dari Allah SWT.
2. Setiap umat Islam ada tanggungjawab yang mesti ditunaikan terhadap umat Islam yang lain.
3. Umat Islam yang berbalah sesama saudara seagama akan menerima siksaan yang pedih diakhirat kelak.

19

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَأَخْتَلُفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَأُولَئِكَ لَهُمْ  
عَذَابٌ عَظِيمٌ<sup>١٥</sup>

20

"Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah bercerai-berai dan berselisihan (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh Nabi-nabi Allah), Dan mereka yang bersifat demikian, akan beroleh azab seksa yang besar."

21

(Ali Imran : 105).

"Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala yang kamu kerjakan."

22

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالنِّذِكْرِ  
الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

23

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.

24



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الْدِينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p><b>Hadirlin yang berbahagia,</b></p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantai Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan sosial. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	4
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْتَ حَفَظَ بِعِينِ عِنَّايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحَفْظِ وَقَائِيَّتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،</p>	6
<p>جلاله ملکنا المعظم سلطان سلاعور، سلطان شرف الدين ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سلطان صالح الدين عبد العزيز شاه الحاج.</p>	7



<p>اللَّهُمَّ أَدِمُ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالثَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيٍّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	8
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرِمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلَّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىٰ وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covod-19.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ يَا ذَا فَعَ الْبَلَاءِ، إِذْ فَعَ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرْضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمَحَنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	11
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً. رَبَّنَا ءَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	12
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ</p>	13
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَنِدْكُرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	14